



Panduan tentang perakuan Australia di bawah *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*



© Komanwel Australia 2020

Pemilikan hak harta intelektual

Kecuali dinyatakan sebaliknya, hak cipta (dan hak harta intelektual yang lain) terhadap terbitan ini dimiliki oleh Komanwel Australia (dirujuk sebagai "Komanwel" sahaja).

Lesen Creative Commons

Semua bahan di dalam terbitan ini diberi lesen di bawah Lesen Antarabangsa Atribusi *Creative Commons* 4.0 kecuali kandungan yang dibekalkan oleh pihak ketiga, logo dan jata Komanwel.

Pertanyaan mengenai lesen ini dan penggunaan dokumen ini hendaklah dihantarkan secara e-mel ke copyright@awe.gov.au.



Data pengkatalogan

Terbitan ini (dan apa-apa bahan yang diambil daripadanya sebagai sumber) hendaklah diiktiraf sebagai hasil: Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar 2020, *Panduan tentang perakuan Australia di bawah Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*, Canberra, Mac. CC BY 4.0.

ISBN 978-1-76003-287-6

Terbitan ini boleh didapati di environment.gov.au/protection/emissions-standards

Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar
GPO Box 858 Canberra ACT 2601
Telefon 1800 803 772
Web awe.gov.au

Kerajaan Australia, yang bertindak melalui Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar, telah menggunakan ketelitian dan kemahiran yang sewajarnya ketika menyediakan dan menyusun maklumat dan data di dalam terbitan ini. Meskipun demikian, Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar, pekerja-pekerjanya dan para penasihatnya menafikan segala liabiliti, termasuk liabiliti atas sebab kecuaian dan terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan, belanja atau kos yang tertanggung oleh sesiapa pun kerana mendapatkan, menggunakan atau bergantung pada mana-mana maklumat atau data di dalam terbitan ini setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Kandungan

1. Pengenalan	4
Syarat-syarat mendapatkan perakuan Australia	4
Proses	5
2. Membuat permohonan	6
Maklumat yang diperlukan daripada pemohon	7
Bayaran khidmat permohonan	7
Pemulangan bayaran	7
Permintaan mengetepikan bayaran khidmat permohonan	7
Tempoh menilai permohonan	8
3. Jika perakuan diberikan	9
Mengubah, menggantung atau menarik balik sijil keakuran Australia	9
4. Jika perakuan tidak diberikan	10
Merayu sesuatu keputusan	10
5. Peranan jabatan ini	10
6. Perlu ketahui lagi	11

1. Pengenalan

Sejak 1 Julai 2018, semua enjin bukan jalan raya pencucuhan percikan api baharu berkuasa 19 kilowatt ke bawah dan enjin marin dorongan pencucuhan percikan api baharu yang diimport masuk ke Australia, ataupun yang dikilangkan dan dibekalkan secara domestik di Australia, mesti mematuhi piawaian sebaran kotoran produk yang dinyatakan di bawah *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*. Pengilangan domestik tidak merangkumi pemasangan enjin import ke dalam produk.

Mulai 1 Julai 2020, semua produk yang dibekalkan ke pasaran Australia mesti mematuhi Akta. Mulai tarikh ini, produk bukan jalan raya yang diperakui di Eropah dan diimport masuk ke Australia juga mesti menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat V Euro.

Produk bukan jalan raya yang diperakui menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat II Euro masih boleh dibekalkan di Australia sehingga 30 Jun 2021. Selepas itu, hanya produk yang diperakui menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat V Euro sahaja yang boleh dibekalkan.

Panduan ini menyediakan maklumat untuk menyokong sesiapa sahaja yang sedang mempertimbangkan permohonan kepada Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar untuk mendapatkan perakuan Australia. Dalam keadaan yang tertentu, produk mungkin layak dikecualikan daripada piawaian ini di bawah Bahagian 5 Kaedah Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017. Rujuk panduan yang berasingan tentang pengecualian di bawah Akta.

Syarat-syarat mendapatkan perakuan Australia

Enjin bukan jalan raya dan enjin marin dorongan pencucuhan percikan api baharu yang diimport masuk ke Australia atau yang dikilangkan dan dibekalkan ke pasaran Australia perlu diperakui melainkan enjin itu dikecualikan di bawah Akta dan Kaedah ini.

Produk yang telah diperakui menepati piawaian sebaran kotoran dalam bidang kuasa yang berkenaan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (*United States Environmental Protection Agency*), Lembaga Sumber Udara California (*California Air Resources Board*), Perubahan Alam Sekitar dan Iklim Kanada (*Environment and Climate Change Canada*), atau sesebuah pihak berkuasa kelulusan EU diiktiraf menepati piawaian Australia.

Jika enjin bukan jalan raya atau enjin marin dorongan pencucuhan percikan api baharu belum lagi diperakui dalam bidang kuasa yang diiktiraf, permohonan boleh dibuat kepada jabatan ini untuk mendapatkan perakuan Australia. Permohonan perakuan Australia mesti dihantarkan bersama hasil ujian sebaran kotoran makmal kepada jabatan ini untuk dinilai.

Produk yang diperakui dan ditandakan dengan betul boleh diimport atau dibekalkan tanpa melanggar peruntukan kesalahan atau hukuman sivil yang digariskan dalam Bahagian 3 (Menguatkuasakan piawaian sebaran kotoran produk) Akta. Produk yang tidak diperakui dikenakan larangan tidak boleh diimport, atau dikilangkan dan dibekalkan.

Produk yang mendapat perakuan Australia ataupun perakuan daripada salah satu pihak berkuasa kawal atur asing yang diiktiraf membawa nombor perakuan pengenalan yang perlu dikemukakan apabila produk itu diimport.

Proses

Permohonan perakuan Australia akan dinilai melalui salah satu antara dua aliran. Terdapat suatu aliran permohonan yang menjalankan ujian di makmal yang ditauliahkan oleh Koperasi Pentauliahan Makmal Antarabangsa (*International Laboratory Accreditation Cooperation [ILAC]*) dan suatu lagi aliran yang menjalankan ujian di makmal yang tidak ditauliahkan oleh ILAC.

Jika makmal yang tidak ditauliahkan oleh ILAC digunakan untuk menjalankan ujian sebaran kotoran, permohonan mesti dapat menunjukkan bahawa pengujian itu menepati prosedur pengujian enjin yang dinyatakan dalam piawaian sebaran kotoran Australia. Ini setara dengan prosedur pengujian yang dinyatakan dalam Bahagian 1065 Tataaturan Persekutuan Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat. Maklumat selanjutnya mengenai pentauliahan ILAC boleh didapati di: ilac.org

Setelah hasil ujian dinilai dan disahkan oleh jabatan ini sebagai menepati piawaian Australia, enjin yang berkenaan dan mana-mana enjin lain dalam keluarga enjin yang sama diberi sijil keakuratan Australia. Pendekatan keluarga enjin digunakan untuk membolehkan pengilang menguji enjin yang khusus untuk tujuan perakuan dan menggunakan perakuan itu bagi enjin-enjin seumpamanya tanpa menjalani ujian tambahan. Proses ini tertakluk kepada peraturan tegas tentang pemilihan enjin uji.

2. Membuat permohonan

Seksyen 18 Kaedah menghuraikan proses memohon perakuan Australia.

Permohonan dibuat melalui [pelantar Perkhidmatan Dalam Talian](#) jabatan ini.

The screenshot shows the official website of the Australian Government's Department of Agriculture, Water and the Environment. At the top, there is a navigation bar with links to Ministers, Publications, Data, Media, Employment, Contact, and a search bar. Below the header, the department's logo and name are displayed. A red arrow points from the text above to the 'ONLINE SERVICES' link in the top right corner of the main content area. The main content area features a banner about Bushfire Recovery and a list of 'FINDING INFORMATION' links.

- Ministers
- Publications
- Data
- Media
- Employment
- Contact

Australian Government
Department of Agriculture,
Water and the Environment

Search Go

TOPICS ABOUT US GRANTS & FUNDING PERMITS & ASSESSMENTS CONSULTATION **ONLINE SERVICES**

BUSHFIRE RECOVERY

850 million Wildlife and Habitat Recovery Package announced

FINDING INFORMATION

- Apply for a job
- Public consultation
- Report a breach or make a complaint
- Contact the Department
- Ministers
- Media centre and Ministerial releases
- Publications

Semua pemohon perlu mendaftar untuk menggunakan Perkhidmatan Dalam Talian ini. Pengguna yang sudah berdaftar boleh melog masuk dengan menggunakan alamat e-mel yang didaftarkan berserta kata laluan. Setelah melog masuk, klik 'Mohon perakuan atau pengecualian Produk Terkawal Sebaran Kotoran'.

The screenshot shows the 'Environment' section of the Australian Government's website. It includes the department's logo and name, and links for Login, Register, About, and Help.

Welcome to Online Services

This page provides a login interface with fields for E-mail and Password, and links for Log in, Register, and Forgot your password?.

E-mail * Password * Log in

Don't have an account? [Register for Online Services](#) Forgot your password?

Below the login area, there are several service icons:

- Submit an EPBC Act Referral for a proposed action** (Icon: leaf)
- Apply for a Hazardous Waste permit** (Icon: trash can)
- Apply for an Emissions Controlled Product certification or exemption** (Icon: wrench)
- Wildlife trade permits or seizures** (Icon: elephant)
- Contact your Minister** (Icon: speech bubble)
- Make a secure credit card payment** (Icon: credit card)

Maklumat yang diperlukan daripada pemohon

Permohonan perakuan Australia mesti dibuat secara bertulis dan mesti mengandungi maklumat yang berikut seperti yang dinyatakan dalam Kaedah:

- nama dan butir-butir perhubungan pemohon
- hasil ujian sebaran kotoran yang diperlukan menurut Kaedah
- dokumentasi sokongan, termasuk bukti bahawa ujian telah dijalankan menurut Akta
- akuan bahawa maklumat yang diberikan itu betul.

Jabatan ini mungkin meminta maklumat selanjutnya daripada orang hubungan yang dinyatakan jika permohonan tidak mengandungi maklumat yang diperlukan.

Bayaran khidmat permohonan

Bayaran khidmat yang perlu dijelaskan bagi permohonan perakuan Australia ditetapkan dalam Kaedah dan dinyatakan di dalam jadual di bawah ini.

Jabatan ini hanya akan bermula menilai sesuatu permohonan setelah bayaran khidmat permohonan yang betul dijelaskan.

Kategori perakuan	Bayaran khidmat bagi setiap permohonan*
Permohonan perakuan (pengujian di makmal ILAC)	\$1,330.00
Permohonan perakuan (pengujian bukan di makmal ILAC)	\$2,850.00

*GST tidak dikenakan terhadap bayaran khidmat permohonan.

Pemulangan bayaran

Pemohon hanya berhak dipulangkan bayaran khidmat permohonannya jika permohonan tersebut ditarik balik dalam masa 14 hari selepas membuat bayaran dan jika jabatan ini belum bermula menilai permohonannya. Jika jabatan ini mempertimbangkan sesuatu permohonan tetapi tidak bersetuju memberikan sijil keakuran Australia, bayaran khidmat itu tidak akan dipulangkhan.

Permintaan untuk memulangkan bayaran mesti dibuat secara bertulis kepada jabatan ini melalui alamat e-mel productmissions@awe.gov.au

Permintaan mengetepikan bayaran khidmat permohonan

Di bawah seksyen 44 Kaedah, jika jabatan ini berpuas hati bahawa terdapat keadaan yang luar biasa, jabatan ini boleh mengetepikan bayaran khidmat permohonan jika diminta oleh pemohon. Permintaan mengetepikan bayaran khidmat hendaklah dihantar secara e-mel ke: productmissions@awe.gov.au. Jabatan ini akan mempertimbangkan semua permintaan dan akan memaklumkan keputusannya kepada pemohon secara bertulis.

Menyerahkan permohonan

Setelah permohonan diserahkan, pengesahan akan dihantar ke alamat e-mel orang hubungan. Pemohon boleh menyemak kedudukan permohonannya pada bila-bila masa dengan melog masuk ke Perkhidmatan Dalam Talian.

Permohonan yang telah diserahkan tidak boleh disunting. Jika pemohon menyedari bahawa dia telah memasukkan maklumat yang tidak betul, ataupun bahawa butir-butir yang berkait dengan permohonannya telah berubah atau ditinggalkan, dia boleh memberi jabatan ini pemberitahuan bertulis mengenai maklumat yang perlu diubah. Pemberitahuan hendaklah dihantar ke productemissions@awe.gov.au. Jabatan ini akan mengemaskinikan permohonan tersebut dan mendapatkan akuan yang formal tentang perubahan itu daripada pemohon sebelum melaksanakannya.

Permohonan boleh ditarik balik pada bila-bila masa sepanjang proses penilaian dengan memberitahu jabatan ini secara bertulis melalui alamat e-mel productemissions@awe.gov.au. Seperti yang dinyatakan tadi, bayaran khidmat hanya akan dipulangkan jika permohonan ditarik balik dalam masa 14 hari selepas membuat bayaran dan jika jabatan ini belum bermula menilai permohonan itu.

Tempoh menilai permohonan

Seksyen 21 Kaedah memperuntukkan bahawa jika produk tidak diperakui atau ditolak dalam masa 60 hari selepas jabatan ini menerima semua maklumat yang diperlukan, termasuk pengesahan bahawa bayaran khidmat telah dijelaskan atau pengetepian bayaran khidmat telah diluluskan, maka permohonan itu dianggap telah ditolak. Dijangka bahawa kebanyakan permohonan akan dimuktamadkan jauh lebih cepat daripada 60 hari.

3. Jika perakuan diberikan

Jika jabatan ini berpuas hati bahawa sesuatu permohonan itu menepati syarat-syarat perakuan, maka sijil keakuran Australia akan dikeluarkan. Jabatan ini akan memberitahu pemohon keputusannya secara bertulis dan pemberitahuan akan disiarkan pada laman web jabatan ini. Sijil keakuran Australia berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada sijil.

Mengubah, menggantung atau menarik balik sijil keakuran Australia

Dalam keadaan yang tertentu, jabatan ini boleh mengubah, menggantung atau menarik balik sijil keakuran Australia.

Seksyen 22 Kaedah membenarkan jabatan ini mengubah sijil keakuran Australia. Perubahan dibuat dengan menyiaran pemberitahuan pada laman web jabatan ini. Orang hubungan bagi sijil keakuran Australia tersebut akan diberitahu secara bertulis. Perubahan akan berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada pemberitahuan. Perubahan dimaksudkan untuk membetulkan kesilapan dan bukannya untuk membenarkan produk tambahan dimasukkan ke dalam keluarga enjin yang diliputi oleh sesuatu sijil. Dalam keadaan demikian, permohonan perakuan Australia yang baharu perlu dikemukakan.

Seksyen 23 Kaedah membenarkan jabatan ini menggantung sesuatu sijil keakuran Australia dengan menyiaran pemberitahuan pada laman webnya. Orang hubungan bagi sijil keakuran tersebut akan diberitahu secara bertulis. Sijil keakuran Australia boleh digantung jika jabatan ini sewajarnya mengesyaki bahawa mana-mana produk yang diperakui tidak mematuhi piawaian sebaran kotoran Australia yang berkenaan. Contohnya, hal ini mungkin berlaku jika maklumat yang ada pada label enjin tidak sama dengan jenis enjin yang diliputi oleh sesuatu sijil keakuran Australia yang khusus. Penggantungan sijil keakuran Australia memberi jabatan ini masa untuk menyiasat sama ada syarat-syarat perakuan dipatuhi.

Penggantungan berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada pemberitahuan. Penggantungan ditamatkan dengan menyiaran pemberitahuan kedua pada laman web jabatan ini dan berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada pemberitahuan kedua. Sementara penggantungan berkuat kuasa, pengimportan dan pembekalan produk yang diliputi oleh sijil keakuran Australia mesti berhenti. Perbuatan meneruskan pengimportan (atau pengilangan dan pembekalan) atau pembekalan (selepas 1 Julai 2020) produk ini adalah suatu kesalahan di bawah Bahagian 3 (Menguatkuasakan piawaian sebaran kotoran produk) atau Bahagian 4 (Penyimpanan rekod) Akta.

Penggantungan hanya akan berakhir jika jabatan ini berpuas hati bahawa produk yang terangkum oleh penggantungan tersebut mematuhi piawaian sebaran kotoran Australia.

Seksyen 24 Kaedah membenarkan jabatan ini menarik balik sesuatu sijil keakuran Australia dengan menyiaran pemberitahuan pada laman webnya. Untuk menarik balik sijil keakuran Australia, jabatan ini mesti sewajarnya berpuas hati bahawa mana-mana produk yang diliputi oleh sijil keakuran Australia yang berkenaan tidak menepati piawaian sebaran kotoran Australia.

4. Jika perakuan tidak diberikan

Jika jabatan ini tidak berpuas hati bahawa sesuatu permohonan itu menepati syarat-syarat perakuan Australia, maka permohonan itu akan ditolak. Jabatan ini akan memberitahu pemohon secara bertulis.

Merayu sesuatu keputusan

Sesiapa yang tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh jabatan ini boleh memohon kajian semula oleh Tribunal Rayuan Pentadbiran. Keputusan yang berikut, yang berkait dengan permohonan perakuan Australia, boleh dikaji semula oleh Tribunal Rayuan Pentadbiran:

- keputusan menolak permohonan mengetepikan bayaran khidmat
- keputusan menolak permohonan perakuan Australia
- keputusan mengubah, menggantung, tidak menamatkan penggantungan atau menarik balik sijil keakuran Australia.

Maklumat selanjutnya boleh didapati di www.aat.gov.au

5. Peranan jabatan ini

Jabatan ini mentadbir Akta dan mana-mana piawaian sebaran kotoran produk yang dibuat di bawah Akta. Seksyen 10 Akta membenarkan Menteri menetapkan Kaedah yang memperuntukkan perakuan Australia. Bahagian 4 Kaedah menyatakan keadaan yang membolehkan jabatan ini memberikan perakuan Australia bagi produk dan/atau orang di bawah Akta.

Jabatan ini bertanggungjawab:

- melayan pertanyaan daripada pemohon atau bakal pemohon
- memastikan bahawa bayaran khidmat yang betul telah dibayar oleh pemohon
- menyemak sama ada setiap permohonan mengandungi semua maklumat yang diperlukan
- menilai dan menentukan sama ada sesuatu permohonan itu patut diberi sijil keakuran Australia
- memastikan pemohon sentiasa dimaklumkan mengenai kemajuan permohonannya
- jika permohonan diluluskan, mengeluarkan sijil keakuran
- jika perakuan ditolak, memberitahu pemohon dan memberikan sebabnya
- memastikan kepatuhan terhadap Akta.

6. Perlu ketahui lagi?

Jika anda ingin bertanya tentang piawaian sebaran kotoran produk, atau tentang cara memohon perakuan Australia, hubungi jabatan ini:

- E-mel productemissions@awe.gov.au
- Telefon 1800 803 772

